



"KEPENTINGAN MASA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ
وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ^ص وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ

بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.



Marilah kita sama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kita terhadap Allah S.W.T. dengan sedaya upaya melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang muttaqin.

Pada hari yang mulia ini marilah kita sama-sama mendengar dan menghayati khutbah bertajuk "**KEPENTINGAN MASA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA**".

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa setiap manusia pasti menemui dan melalui masa atau waktu dalam kehidupannya seharian. Maka beruntunglah mereka yang menggunakan masa untuk perkara-perkara kebaikan dan rugilah mereka yang menggunakannya untuk perkara-perkara yang tidak berfaedah dan sia-sia. Pepatah arab ada mengatakan: "*Bahawa masa itu umpama mata pedang, jika kita tidak memotongnya nescaya ia akan memotong kita*". Kata-kata ini menunjukkan betapa pentingnya masa dalam kehidupan manusia. Allah S.W.T. adalah pencipta masa dan telah menetapkannya sebanyak 24 jam atau 1440 minit dalam sehari semalam tidak lebih dan tidak kurang. Terpulanglah kepada kita untuk mengurus dan menggunakannya bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Sidang Jumaat Yang Berbahagia.

Buat masa ini, kita dapati ramai manusia yang mengabaikan dan tidak memikirkan peredaran masa atau waktu yang dilaluinya dalam kehidupannya dan mereka hidup dalam keadaan leka dan sia-sia. Golongan seperti ini telah ditegur oleh Allah S.W.T. melalui firman-Nya dalam surah al-Mu'minun ayat 115 :



أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ



"Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmah pada ciptaan itu?.Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami".

Oleh itu pengurusan masa seharian dalam kehidupan kita amat penting dan perlu disusun secara teratur agar masa dapat diurus dan dimanfaatkan dengan bijak dan berkesan. Oleh itu dalam kehidupan kita seharian, sedar atau tidak, sebenarnya kita telah menetapkan jadual harian, dengan sendirinya kita tahu masa kita untuk melakukan sesuatu, seperti masa bekerja, berehat, tidur, makan minum, dan sebagainya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.

Ketahuilah bahawa masa adalah amanah dari Allah S.W.T, setiap amanah merupakan tanggungjawab yang akan dipersoalkan oleh Allah S.W.T. di akhirat kelak.

Hadis daripada Muaz Bin Jabal RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَنْ تَزُولَ قَدَمًا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ
عَنْ أَرْبَعَةٍ خِصَالٍ: وَعَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ، عَنْ



شَبَابِهِ فِيمَا أُبْلَاهُ، وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ أَكْتَسَبَهُ
وَفِيمَا أَنْفَقَهُ، وَعَنْ عِلْمِهِ مَاذَا عَمِلَ بِهِ .

"Tidak berganjak kaki setiap hamba pada hari kiamat (dipadang mahsyar) sehingga ditanya tentang empat perkara: Tentang umurnya kemana dihabiskan. Tentang masa mudanya kemana digunakannya. Tentang harta dari mana diperolehinya dan kemana dibelanjakannya. Tentang ilmunya apa yang diperbuat dengannya".

(Riwayat at-Tirmizi).

Dalam usaha mengurus masa dalam kehidupan kita seharian, marilah kita mengamalkan tiga cara sebagai panduan kita :

1. Jangan bertanggung dalam melaksanakan hak, amanah dan tanggungjawab dan jangan bertanggung dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.
2. Jangan bertanggung dalam melaksanakan amal ibadah, juga jangan bertanggung dalam melaksanakan hukum syarak.
3. Jangan bertanggung dalam menyebarkan islam dan jangan bertanggung dalam soal memperjuang dan mempertahankan islam.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sesungguhnya masa tetap akan berlalu dan meninggalkan kita dan tidak akan kembali. Masa yang berlalu akan meninggalkan dua golongan. Golongan yang pertama ialah golongan yang berjaya, kerana mengambil kepentingan masa dalam hidupnya, manakala golongan kedua ialah



golongan yang sentiasa dalam kerugian, kerana membiarkan masa berlalu tanpa digunakan untuk amalan soleh dan ketaatan terhadap Allah SWT. Dalam hal ini marilah kita merenung dan meneliti firman Allah SWT dalam surah al-Asr (surah masa). Surah yang menjadi amalan kita ketika menutup sesuatu majlis atau perjumpaan, tetapi malangnya surah ini hanya tinggal bacaan dibibir sahaja, dan masih jauh dari segi penghayatan atau amalan dalam kehidupan seharian.

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾
إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾
إِلَّا الَّذِينَ
ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا
بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar".

Surah ini menjelaskan kepada kita bahawa kebanyakan manusia hidup dalam kerugian kerana tidak memanfaatkan masa yang dilalui dalam kehidupan di dunia dengan sebaik-baiknya. Surah ini juga menggambarkan bahawa manusia yang tidak memanfaatkan masa dengan sebaik-baiknya untuk mentaati Allah S.W.T dan Rasul-Nya adalah dari golongan orang yang rugi kerana membiarkan masa berlalu tanpa dimanfaatkan untuk saling nasihat menasihati dan membimbing manusia untuk menghayati islam sebagai sistem hidup yang sempurna. Dan surah ini juga menjelaskan empat golongan manusia yang beruntung:



1. Orang yang memiliki iman yang dapat membimbing dirinya kearah kebaikan dan mencegah dari melakukan kemungkar.
2. Orang yang melakukan perbuatan yang baik dan bermanfaat pada diri, keluarga dan manusia keseluruhannya.
3. Orang yang menyeru atau mengajak orang lain supaya hidup dalam luno-luno kebenaran yang berasaskan syariat Allah S.W.T..
4. Orang yang bersabar dalam menyampaikan syariat Allah dan bersabar dalam menghadapi kesulitan-kesulitan hidup serta ujian Allah S.W.T.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sebagai kesimpulan dalam khutbah ini, marilah kita gunakan peluang masa dan nikmat kehidupan yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk kita mencipta kecemerlangan hidup di dunia lebih-lebih lagi kehidupan di akhirat. Begitu juga masa hendaklah diurus dengan sebaik baiknya seperti pesanan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ : حَيَاتِكَ قَبْلَ
مَوْتِكَ، وَصِحَّتِكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَفَرَاغِكَ قَبْلَ
شُغْلِكَ، وَشَبَابِكَ قَبْلَ هَرَمِكَ ، وَغِنَاكَ قَبْلَ
فَقْرِكَ .



"Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara; Masa hidup sebelum mati; Masa sihat sebelum sakit; Masa lapang sebelum sibuk; Masa muda sebelum tua; Masa kaya sebelum miskin.

(Riwayat Imam Muslim dan at-Tirmizi).

Oleh itu kita perlu ingat dan sedar bahawa;

1. Masa hidup adalah masa untuk mentaati Allah SWT dan melakukan perkara-pekerja yang bermanfaat untuk bekalan selepas mati.
2. Masa sihat adalah masa yang mudah bagi melakukan ibadah kepada Allah SWT dan segala perkara kebaikan.
3. Masa lapang adalah masa yang boleh digunakan untuk mempertingkatkan diri sama ada untuk ibadah, kerjaya dan menambahkan ilmu.
4. Masa muda adalah masa yang berpotensi, mempunyai tenaga yang kuat dan sanggup menghadapi cabaran untuk membina kecemerlangan.
5. Masa kaya adalah peluang yang cukup untuk melakukan ibadah atau kebaikan yang memerlukan kebendaan seperti ibadah haji, zakat, wakaf, derma dan sedekah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا رُءُوسِهِمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ رَبَّنَا أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَارْجِعْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا إِنَّا مُوقِنُونَ

"Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu): "Wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya (akan segala yang kamiingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik; sesungguhnya kami sekarang telah yakin".

(as-Sajadah: 12).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.